

# THE TITAN

[richworks.com/thetitan](http://richworks.com/thetitan)

RICHWORKS®

Di Sini Lahirnya  
Usahawan Jutawan

26 FEBRUARI 2023 | BIL: 43  
[www.richworks.com](http://www.richworks.com)

*Industry View*  
PRODUK  
PENJAGAAN BAYI

# HARIDAH SAHRI

BERMULA DARI  
RUMAH SEHINGGA  
KE KILANG OEM





# BERNIAGA DARI KECIL



Mula berniaga seawal usia sembilan tahun, Haridah Sahri telah membantu ayahnya menjual air balang.

“Adik-beradik pun sama, tolong menjual sejak kecil lagi. Ayah jual air seperti

tebu dan soya. Walaupun kami duduk asrama, balik memang kena pergi berniaga,” kongsi Haridah mengimbuai masa kecil.

Selepas menamatkan pengajian di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Haridah bertugas sebagai pembantu penyelidik.

Pada masa sama, Haridah aktif menyertai kumpulan usrah dan bertanggungjawab menguruskan unit ekonomi.

## KILANG COKLAT

Sebelum memperkenalkan produk bayi, Haridah dan suami pernah mengusahakan kilang coklat yang beroperasi di Tambun, Ipoh pada 2008.

“Kami antara usahawan coklat terawal di Malaysia, di bawah Lembaga Koko dan mendapat tajaan RM20,000 dari Jabatan Pertanian.

“Ketika itu, kami aktif menyertai pameran seperti Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) hingga mampu mencapai jualan puluhan ribu ringgit,” katanya.

Namun apabila pasaran *online* semakin popular, jualan coklat secara fizikal semakin merudum dan akhirnya mereka menutup bisnes coklat pada 2014.

“Kita tutup sebab tak lepas nak bayar sewa kilang. Dapat surat dari Majlis Amanah Rakyat (MARA) kena sita RM6,000,” luahnya.

Selain gagal mengusahakan coklat, Haridah juga pernah gagal dalam perniagaan menjual biskut raya.

“Beli banyak sangat tetapi ada tempoh sebulan sahaja untuk dijual. Akhirnya, lebihan terlalu banyak dan terpaksa tanggung hutang yang dipinjam daripada tujuh rakan.

“Jumlah pinjaman RM150,000. Ambil masa yang lama untuk lunaskan hutang itu,” ujarnya.

## TAHANAN LOKAP

Ekoran kegagalan dalam perniagaan, Haridah turut berpengalaman ditahan di lokap ketika sedang mengandung dalam bulan Ramadan.

Hukuman itu gara-gara beliau tidak membayar wang caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

“Masa itu bisnes sangat teruk, saya mengaku salah tak bayar KWSP, walau hanya ada seorang pekerja. Nak bayar kos mahkamah RM580 tapi masa itu tak ada duit,” kongsi.

Bukan setakat itu sahaja, kereta beliau juga ditarik.

Demi kelangsungan hidup, Haridah menyertai Shaklee dan suami menjadi ejen hartanah.





## DARI RUMAH KE KILANG OEM

Tiada jalan lain kecuali berniaga.

Kongsi Haridah, produk bayi, Tasneem Naturel terhasil ketika dia berdepan dengan masalah bayinya meragam dan sukar untuk tidur.

Menurutnya, beliau mengeluarkan modal RM1,000 ketika kali pertama cuba menghasilkan balsam untuk bayi.

“Pertama kali saya dapat hasilkan 24 bekas balsam sahaja, menggunakan apa yang ada di tangan dan bahan-bahan di rumah.

“Lebih kurang lima bulan hasilkan produk Tasneem, saya dah tak cukup tangan,” jelasnya.

Setelah produk itu mendapat sambutan luar biasa, beliau mengambil keputusan mendapatkan khidmat perunding luar serta pengilang peralatan asal (OEM).

Tasneem merupakan perniagaan ketiga diusahakan Haridah yang akhirnya membuahkan hasil.

“Menjalankan bisnes ketiga agak mudah kerana telah belajar daripada pengalaman lalu,” katanya lagi.


## RM 1 JUTA PERTAMA

Tahun pertama mengusahakan Tasneem, syarikat itu telah mencatat jualan RM1.7 juta.

“Daripada RM1.7 juta naik ke RM4 juta, tapi tahun ketiga bisnes jatuh kepada RM3.5 juta.

“Kita pun faham bisnes perlu ada apa. Ketika berhenti mentoring atau tak sertai apa-apa program kita tak ada circle, kawan-kawan pengasas syarikat. Itu yang saya sertai semula RichWorks di bawah bimbingan Mentor Ushawan, Datuk Wira Dr. Azizan Osman,” kongsinya.





# “

**DARIPADA RM1.7 JUTA  
NAIK KE RM4 JUTA, TAPI  
TAHUN KETIGA BISNES  
JATUH KEPADA  
RM3.5 JUTA”**

Pada 2019, Haridah menyertai program Nak Ubah Hidup (NUH) dan mendaftar untuk memasuki Spire pada Ogos tahun yang sama.

“Ketika di Spire saya suka Facebook group. Dalam group kami kena kongsi laporan mingguan. Bila baca akan membakar semangat. Baca orang lain punya wins seronok juga,” kongsiinya.

Sebelum itu dek kerana dahagakan ilmu, Haridah pernah bertugas sebagai kru ketika program Intensif Magnet Kekayaan & Kejayaan (IMKK).

Berkecimpung dalam perniagaan, Haridah menegaskan kepentingan mempunyai mentor.

“Sepanjang menjalankan perniagaan, kehadiran mentor amat penting bagi memastikan diri tidak mudah patah semangat dan kecewa berdepan cabaran dunia perniagaan.

“Saya mengikuti kelas bimbingan Dr. Azizan sejak 2012 dan pernah bersama mentor lain juga,” jelasnya.





## PENCAPAIAN

Dari sebuah bengkel kampung di Sungai Kini, beliau merupakan salah seorang daripada ahli circle Titanium.

Pada 2021, hasil jualan Tasneem terus meningkat kepada RM7.3 juta.

Lebih manis, Tasneem turut meraih pelbagai anugerah seperti The BrandLaureate Awards, Anugerah Personaliti Industri & Usahawan Malaysia dan Anugerah Keusahawanan MDEC.



# 3

## NASIHAT



**PERTAMA**, usahawan wanita mesti kuat dan yakin.

"Zaman sekarang tak macam zaman dulu. Kita pun boleh buat pendapatan yang banyak dari rumah.

"Tapi kerjanya kena setara dengan apa yang sepatutnya kita buat. Sekarang ini zaman dah berubah. Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), lagi banyak mengubah skop perniagaan.

"Jadi kita nampak peluang ada di mana-mana sahaja untuk kita rebut dan capai," jelasnya.

"Kedua, mentor amat penting dalam perniagaan.

"Tak kira apa juga perniagaan, kita mesti ada mentor untuk mendapat bimbingan.

"Sewaktu saya dalam Shaklee pun kami sentiasa diberi latihan, ilmu dalam perniagaan mesti berterusan apatah lagi selaku pengasas syarikat," tegasnya.

Ketiga, berhubung dengan yang memberi rezeki.

"Apa yang kita dapat itu umpama macam Allah bagi hadiah atas kita nak bantu orang. Allah bagi sebab kita bantu orang lain yang lebih ramai.

"Rezeki ini subjektif, kena faham rezeki kena berhubung dengan yang memberi rezeki. Yang beri rezeki itu Allah SWT," pesan Haridah mengakhiri perbualan.





# PRODUK PENJAGAAN BAYI

**S**iapa sahaja yang tak suka sentuh kulit bayi yang lembut dan halus.

Sedarkah anda bahawa kulit dan daya tahan tubuh bayi tidak sama seperti orang dewasa?

Jadi, bayi memerlukan produk penjagaan kulit yang diperbuat khusus untuk kulit bayi.

Ini bermakna bayi tidak boleh memakai sabun mandi, pembersih badan, syampu ataupun losen yang digunakan oleh ibu bapanya.

Menurut laman web Hello Doktor, penggunaan produk penjagaan yang tidak sesuai dengan kulit bayi bukan sahaja boleh menjejaskan kulitnya, bahkan juga boleh mengancam keselamatan dan kesihatan bayi.

Bayangkan jika bayi anda dipakaikan produk penjagaan kulit yang mengandungi bahan

kimia, sudah tentu kandungan dalam produk tersebut akan menyerap terus ke kulit bayi sekaligus memberi kesan kepada kesihatan tubuhnya.

Penggunaan produk yang mengandungi bahan kimia atau bahan toksik mungkin tidak akan menunjukkan kesan yang cepat, tetapi penggunaan berulang boleh memberi kesan kepada kesihatan bayi untuk jangka masa panjang.

Jika bayi dipakaikan produk yang tidak sesuai atau mengandungi bahan kimia, mereka akan menerima masalah kulit seperti keradangan, kemerah-merahan, gatal, ruam dan juga ekzema.

Malah, sesetengah bayi juga boleh mengalami masalah pernafasan. Ini kerana, kulit bayi adalah nipis dan sensitif.

Disebabkan itulah ibu bapa perlu meneliti



dahulu label pada produk bayi sebelum membeli.

Salah satu cara untuk memastikan bayi menggunakan produk penjagaan kulit yang selamat adalah dengan memilih produk organik.

Bagaimana memilih produk penjagaan bayi yang betul?

Produk yang dibuat menggunakan bahan-bahan asli seperti yang ada dalam produk organik adalah selamat untuk bayi kerana tidak mengandungi bahan yang menyebabkan alergi dan toksik.

Elakkan daripada membeli produk penjagaan bayi yang mengandungi bahan seperti kimia berbahaya, silikon, paraben, phthalates, minyak galian, lemak haiwan, SLS & SLES dan wangian.

Sebaliknya, semasa memilih produk penjagaan bayi, carilah produk dengan kandungan berikut:

1. **Bebas paraben:** Paraben adalah bahan yang sering digunakan untuk membuat pewarna rambut dan kosmetik. Paraben juga merupakan antara bahan pengawet yang berbahaya. Justeru itu, carilah produk yang bebas paraben.

2. **Bebas kimia:** Jika kandungan dalam produk mengandungi air, garam, gula dan galian, ia adalah dikira sebagai bahan kimia. Selain itu, lihatlah nama-nama kandungan ini; Formaldehyde, DMDM Hydantoin (LS1) dan natrium sulfat- ini juga adalah nama-nama bahan kimia.

3. **Vegan:** Kandungan vegan dalam sesuatu produk bermaksud produk tersebut bebas daripada lemak haiwan atau sisa haiwan.

## 6 PANDUAN MEMILIH PRODUK BAYI

Produk penjagaan diri bayi yang sering digunakan adalah seperti bedak, losen, minyakurut, salep dan tisu basah.

Selain itu, antara produk lain yang perlu diberi perhatian ialah barangan mandian bayi seperti syampu, sabun badan, pencuci baju dan sebagainya.

1. **Bedak** - Elakkan menggunakan bedak yang mengandungi talkum atau karsinogen dan carilah bedak yang diperbuat daripada mineral semula jadi dan tanah liat atau tepung jagung.

2. **Losen** - Jika anda berhasrat untuk memakaikan bayi anda losen, ketahui tujuan anda ingin memakaikan losen pada bayi.

Adakah untuk melembapkan kulit bayi, sebagai pelindung cahaya matahari, pencegah serangga atau mengubati ruam lampin?

Selain itu, pilih losen yang bertindak lembut pada kulit bayi. Kenal pasti kandungan bahan asli yang berkualiti dan dapat melindungi kulit bayi anda. Pilih juga losen yang bebas wangian.

3. **Minyakurut** - Minyakurut adalah salah satu produk yang perlu ada di rumah. Selain bertujuan untuk mengelakkan kembung perut bayi, minyakurut juga dapat merapatkan jalinan ikatan antara ibu dan bayi.

Sesi mengurut bayi sebaik-baiknya dilakukan selepas waktu mandi atau sebelum bayi tidur. Ada minyakurut yang berfungsi untuk melegakan ruam lampin dan menghalang ruam baru daripada tumbuh.

Pilih minyakurut yang mengandungi minyak



lavender atau rosmeri yang berfungsi untuk memelihara kulit dan melawan bakteria.

Selain itu, gabungan dua minyak ini juga boleh memudahkan minyak meresap ke dalam kulit dan mengekalkan kelembapan supaya kulit kekal halus dan lembut.

**4. Pelindung matahari** - Ada ibu bapa yang menggunakan pelindung matahari untuk bayi khususnya jika membawa bayi keluar dari rumah.

Walau bagaimanapun, lazimnya pelindung matahari ini dibuat khas untuk bayi seawal usia 6 bulan dan ke atas.

Carilah pelindung matahari yang diformulasikan khusus untuk bayi. Kandungannya pula perlulah tidak berminyak atau menyebabkan iritasi pada kulit si manja.

Selain itu, pilihlah pelindung matahari yang bersifat bukan-*comedogenic* (tidak menghalang pori).

**5. Syampu** - Carilah syampu yang mengandungi emolien yang bertujuan

melembapkan kulit kepala bayi, menghalang keguguran rambut di samping merangsang pertumbuhan rambut baru.

**6. Pencuci baju / detergen** - Pencuci baju atau sabun basuh/ detergen untuk mencuci pakaian bayi perlulah tidak mengandungi bahan kimia.

Bayi selalunya mengalami ruam-ruam kecil di sekeliling leher, pergelangan tangan dan beberapa bahagian pada badan.

Antara punca ruam pada bayi adalah disebabkan kandungan bahan kimia yang ada dalam sabun pencuci pakaian mereka.

Sebagai pengasas produk yang bertanggung jawab, produk yang dihasilkan perlu selamat dan berkualiti.

Ini penting bagi memastikan pengguna akan terus setia dengan produk yang ditawarkan.

Jika pelanggan gembira dengan produk anda, pasti mereka akan berkongsi mengenai manfaat produk tersebut di media sosial, ahli keluarga dan rakan.






*Klinik Usahawan*

# BISNES RAYA BERSAMA TikTok

11 Mac 2023  zoom | 8pagi - 5petang

*Daftar Sekarang!*





# E-MAGAZINE UNTUK BANGSA USAHAWAN

**RICHWORKS**  
ACCELERATING YOUR BUSINESS SUCCESS

# THE TITAN

[richworks.com/thetitan](http://richworks.com/thetitan)

**PENAFIAN :** NASIHAT YANG DIBERIKAN DALAM MAJALAH INI MERUPAKAN NASIHAT SECARA AM. IA DISEDIAKAN TANPA MENGAMBIL KIRA OBJEKTIF, SITUASI KEWANGAN ATAU KEPERLUAN ANDA. SEBELUM MELAKUKAN TINDAKAN, ANDA PERLU MENILAI KESESUAIAN NASIHAT DIBERIKAN MENGIKUT SITUASI & KEPERLUAN MASING-MASING.